

11 JUL 1998

Mahathir-Rakyat

BERI KEPERCAYAAN KEPADA KERAJAAN, KATA DR MAHATHIR

MELAKA, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat hendaklah memberi kepercayaan kepada kerajaan dalam apa jua tindakan yang diambil untuk menangani kegawatan ekonomi sekarang.

"Kerajaan tidak ada niat lain melainkan untuk mempertahankan hak rakyat negara kita. Itu saja niat kerajaan. Kalau kita buat apa-apa tindakan, ia adalah untuk rakyat," kata beliau.

Ketika berucap pada majlis ramah mesra bersama rakyat Melaka di Dewan Hang Jebat, Ayer Keroh di sini hari ini, Perdana Menteri berkata Malaysia boleh menghadapi cabaran yang dilalui sekarang dengan tenang dan sekali gus mempertahankan kedaulatan negara.

"Kerajaan akan cuba sedaya upaya tetapi kerajaan memerlukan sokongan daripada rakyat. Percayalah, perpaduan rakyat adalah penting dalam usaha kita mempertahankan kedaulatan negara kita," kata Dr Mahathir.

"Ini kita harus sedar. Saya berpendapat rakyat harus tahu apa yang sedang berlaku kerana rakyat memainkan peranan yang amat penting. Kalau sehingga hari ini Malaysia aman dan makmur, ia disebabkan rakyatnya faham akan peranan mereka."

Dr Mahathir berkata beliau bersyukur menjadi pemimpin sebuah negara yang rakyatnya begitu matang menghadapi keadaan seperti yang dapat dilihat dengan tidak berlakunya rusuhan atau mogok.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada kesatuan-kesatuan sekerja kerana tidak menimbulkan masalah memandangkan kuasa membeli kini sudah berkurangan disebabkan harga barangan naik berbanding gaji yang diperolehi.

Bagaimanapun Dr Mahathir menegaskan bahawa kalau rakyat tahu mempertahankan negara, mereka boleh selamat.

Perdana Menteri berkata rakyat harus berhati-hati dengan dakwaan pihak luar yang mengatakan kerajaan mengamalkan nepotisme dan kronisme dengan mengutamakan beberapa kerat daripada kawan-kawan pemimpin kerajaan serta keluarga pemimpin kerajaan.

"Ini tidak benar sama sekali. Sebab itu kita dedah siapa yang dapat. Tidak ada kawan yang dapat daripada yang bukan kawan dan tidak ada keluarga yang dapat daripada yang bukan keluarga.

"Kita harus berjaga-jaga dengan orang-orang (seperti) ini kerana mereka lidah bercabang. Sebab itu rakyat harus berjaga-jaga dan jangan terpengaruh dengan dakyah mereka kerana niat mereka tidak baik," kata beliau.

Tuduhan ini kadang-kadang kalau tidak dinafikan mungkin meresap juga dalam hati rakyat kerana pihak luar mempunyai cara untuk menekan dengan membuat tuduhan yang tidak berasas.

Dr Mahathir berkata ramai yang telah menasihatinya supaya jangan bercakap banyak mengenai krisis mata wang. Tetapi, katanya, jika beliau tidak menerangkan kepada orang ramai, rakyat tidak akan tahu kedudukan sebenar.

"Ramai juga daripada kita yang hendak percaya bahawa ada penyelewengan dalam pemerintahan negara. Kalau kita percaya dan sebarkan, akibatnya kepercayaan kepada kerajaan akan merosot dan negara akan mempunyai kerajaan yang lemah," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan yang lemah tidak mungkin dapat mempertahankan kedaulatan negara daripada serangan pihak asing.

"Apa yang mereka buat kepada kita amatlah zalim sekali. Kita bekerja berpuluh tahun untuk menaikkan negara kita. Pembangunan negara kita adalah hasil titik peluh kita tetapi dalam jangka masa sebulan kerja 20 tahun

hilang lesap begitu saja kerana mereka," tegas beliau.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata Malaysia belum terpaksa meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan ia membuktikan kemampuan dan kekuatan kerajaan.

"Kita tidak perlu meminta pertolongan daripada mereka. Apakah kita akan dipaksa? Sama ada kita terpaksa atau tidak... ia bergantung kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata kedaulatan negara selama ini dapat dipertahankan oleh kerana rakyatnya yang berbilang kaum bersatu-padu dan mereka tidak merusuh serta menimbulkan masalah kepada kerajaan.

Kira-kira 5,000 orang termasuk para pemimpin negeri menghadiri perjumpaan itu.

-- BERNAMA

MKO NO PR